

## *Sekapur Sirih*



### **HAWAZI DAIPI**

Setiausaha Parlimen Kanan  
Kementerian Pendidikan  
dan Kementerian Tenaga Manusia

Singapura menyambut perayaan kemerdekaan yang ke-50 tahun ini. Negara kita semakin maju. Para pelajar kita hari ini terdedah kepada pelbagai informasi yang boleh mereka peroleh daripada berbagai-bagai sumber dengan pantas. Kepsatan pengisian informasi ini dan sumber yang menyajikan maklumat ini membuat pelajar kita terpaksa menangani pelbagai cabaran dalam kehidupan. Bagi mengatasi cabaran ini, pelajar kita perlu dipersiapkan dengan kemahiran untuk menyaring informasi yang mereka peroleh dan menggunakannya dengan sebaik-baiknya. Dalam hal ini, pendidikan di sekolah menjadi benteng utama dalam memperkasa pelajar menangani cabaran ini.

Para guru Bahasa Melayu kita gigih mempertingkatkan diri secara profesional untuk memenuhi keperluan anak didik kita di sekolah. Keperluan ini perlu disokong dengan pembelajaran yang relevan dan bermakna serta memberikan nilai tambah dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Seminar Bahasa Melayu kali ini diharapkan dapat memberikan ruang dan peluang kepada guru-guru mempertingkatkan budaya pengajaran dan pembelajaran bersama. Kajian ini perlu dikembangluaskan untuk memperkasa budaya kajian dalam kalangan guru-guru kita.



Tema Seminar Bahasa Melayu 2015, '**Memperelok Budi, Memperindah Bahasa**' amat bersesuaian dengan inisiatif MOE untuk membangunkan sahsiah pelajar-pelajar kita yang arif lagi berbudi. Semoga dalam pergaulan mereka, pelajar kita mampu berkomunikasi bukan sahaja dengan yakin malah mampu mencerminkan bahasa Melayu kita yang kaya lagi indah. Pada masa yang sama, pelajar kita dapat memperelok budi pekerti seorang yang arif lagi budiman.

Saya mengucapkan syabas kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura kerana telah berjaya menganjurkan seminar Bahasa Melayu ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada para pembentang kertas kerja dan peserta seminar tahun ini. Semoga ilmu yang diraih dan dikongsi dalam seminar ini dapat digunapakai dan diperluaskan lagi dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Terima kasih dan selamat berseminar.



# Foreword



## **CHUA-LIM YEN CHING (MRS)**

Deputy Director-General of Education  
(Professional Development) and  
Executive Director, Academy of Singapore Teachers

---

Singapore turns 50 this year. It gives us the opportunity to reflect on how far we have come together not only as a nation but we as an important fraternity. Over the years, we have built our teaching fraternity with passion and pride. It has been a meaningful and enriching journey. Our pioneer educators have paved a meaningful journey for all of us. The next chapter of the journey will be more challenging as we need to prepare our students and teachers to be 21st Century learners and educators respectively.

The Malay Language Seminar 2015 has the theme 'Promoting Graciousness, Refining Language'. This resonates well with MOE's desire to nurture students who are gracious yet robust, able to communicate with a refine language and able to contribute actively to society, as envisaged in our vision of *Arif Budiman*. Our Mother Tongue Language teachers have important role to play in nurturing such qualities in our students.

I would like to thank the seminar presenters for the time and effort taken to prepare for their sessions. The event provides the opportunity for participants to share innovative and effective pedagogical and research practices. Let us learn from one another, and grow together as a fraternity.

I wish all of you a successful and meaningful seminar.



# *Sekapur Sirih*



**MOHAMED NOH DAIPI**

Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Tema Seminar Bahasa Melayu 2015 adalah '**Memperelok Budi, Memperindah Bahasa**'. Dalam kita membina keupayaan berbahasa pelajar, kita juga berdaya upaya membimbing mereka memahami, mencerna, menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai luhur budaya Melayu. Walaupun banyak cabaran yang kita dan anak-anak didik kita lalui untuk mencapai hasrat murni ini, kita tidak akan patah semangat. Itizam kita terus kukuh. Malah kita akan terus melestari dan mengembangkan penggunaan bahasa Melayu di negara ini kerana kita percaya bahasa menunjukkan bangsa, dan budi menunjukkan pekerti.

Pada tahun ini, seramai 131 guru kita yang mengajar di peringkat sekolah rendah dan menengah telah menjalankan 38 kajian berasaskan bilik darjah di sekolah masing-masing. Mereka akan menyampaikan hasil kajian mereka dalam sesi sidang selari. Sepuluh buah sekolah pula terlibat dalam segmen pameran - berkongsi keberkesanan program, bahan pengajaran dan amalan-amalan terbaik yang dijalankan bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu lebih berkesan dan menyeronokkan.

Marilah kita terus membina upaya dan memperkukuh usaha dalam membudayakan belajar secara kolaboratif dan bersama sebagai tunggak kekuatan dalam komuniti keguruan yang kita cintai bersama. Marilah terus menggembelng usaha bagi melestarikan Seminar Bahasa Melayu sebagai pelantar bekesan untuk para guru berkongsi ilmu dan kemahiran. Semoga kita mendapat manfaat daripada seminar ini.



## *Tunjuk Ajar Melayu*

---

yang disebut tunjuk ajar,  
mencelikkan mata  
menyaringkan telinga  
membersihkan hati  
menyempurnakan budi  
membaiki pekerti

yang disebut tunjuk ajar Melayu,  
menunjuk dengan ilmu  
mengajar dengan guru

yang disebut tunjuk ajar Melayu,  
menunjuk kepada yang perlu  
mengajar supaya tahu

*Tenas Effendy (2006), Tunjuk Ajar Melayu,  
Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu,  
Penerbit AdiCita*

